

Tun Mahathir Menghadiri Persidangan Pelaburan Di Nepal
Bernamea
22 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohammad tiba di Nepal bagi mengetuai 11 anggota delegasi Malaysia ke Persidangan Pelaburan bermula esok.

Dr Mahathir merupakan penceramah utama pada persidangan yang dihos Persekutuan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Nepal yang bertujuan memberi peluang kepada ahli perniagaan daripada seluruh dunia mencari projek yang sesuai untuk pelaburan di Nepal.

Ketua Protokol Kementerian Luar Arjun Kanta Mainali menyambut ketibaan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Antarabangsa Tribhuvan.

Dr Mahathir dijadual bertemu Presiden Nepal Dr Ram Baran Yadav dan Perdana Menteri Sushil Koirala.

Beliau dijangka pulang ke Malaysia pada Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024012>